

12 OKTOBER 2017

## Bayar RM10 dapat gadis

52

DARI KELANTAN

KHAMIS 12 OKTOBER 2017 • SINAR HARIAN

# Bayar RM10 dapat gadis

Nikmati seks percuma, 30 remaja lelaki termasuk tujuh remaja perempuan ditahan AADK

ROHANA ISMAIL

**TUMPAT** - Hanya bayaran RM10, peserta boleh menikmati seks dengan gadis secara percuma dalam satu parti lalok di sebuah rumah tumpangan di Kampung Berangan, Tumpat, semalam.

Mereka diundang melalui aplikasi *WhatsApp* untuk berpesta dadah, berdisko dan berakhir dengan hubungan seks di rumah tumpangan yang disewa RM150.

Pesta yang mendapat tarikan remaja lelaki itu menyediakan tiga bilik termasuk bilik disko.

Bagaimanapun aktiviti tidak bermoral 31 remaja itu diserbu Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) Tumpat dalam operasi 'Op Private Party' bersama penguat kuasa Majlis Daerah Tumpat.

Ketua Pegawai AADK

**INFO** Mereka diundang melalui aplikasi *WhatsApp* untuk berpesta dadah, dan berdisko di rumah tumpangan yang disewa RM150

Tumpat, Mazlan Idris berkata, pesta dadah ini berkemungkinan berakhir dengan hubungan seks kerana peserta sudah khayal dadah.

Namun katanya, serbuan anggota AADK Tumpat ini menyelamatkan tujuh remaja perempuan, kesemuanya positif dadah daripada menjadi mangsa seks.

"Dalam serbuan jam 1 pagi itu, kesemua 31 orang termasuk tujuh remaja perempuan sedang lalok berhimpit di dalam sebuah bilik dalam keadaan khayal

dihiburkan dengan muzik rancak.

"Bagaimanapun seorang remaja lelaki dipercayai anak pemilik rumah tumpangan itu berjaya melarikan diri," katanya.

Menurutnya, remaja lelaki yang ditahan berusia antara 15 hingga 25 tahun manakala remaja perempuan berusia 14 hingga 19 tahun.

Menurutnya lagi, hasil pemeriksaan urin mendapati 29 daripada mereka termasuk tujuh remaja perempuan positif dadah dan hanya seorang remaja lelaki negatif dadah.

"28 daripada mereka positif dadah dan hanya seorang lagi positif dadah jenis opiat," katanya.

Mazlan berkata, dua gadis yang ditahan juga ada hubungan pertalian adik-beradik selepas kakaknya yang akan menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia di-



30 remaja yang ditahan berpesta dadah dan berdisko di sebuah rumah tumpangan di Kampung Berangan.

ajak menemani adiknya.

"Ini pesta kali pertama kumpulan remaja di daerah ini namun seorang gadis berusia 15 tahun dari

Bachok sudah ada pengalaman berhibur di hotel Golok Thailand.

"Kebanyakan mereka diajak oleh kekasih, abang ang-

kat dan jempunan kawan melalui *WhatsApp*," katanya.

Menurutnya, kes disiasat di bawah Seksyen 3(1) Akta Pencegahan Dadah 1983.